

18/01/2001

Kementerian Hal Ehwal Wanita bukti peranan wanita diiktiraf

KUALA LUMPUR, Rabu - Pergerakan Wanita Umno menyifatkan penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita sebagai pengiktirafan kepada peranan wanita dalam pembangunan negara.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata ini kerana kementerian baru itu akan berperanan menyatukan tenaga wanita di semua peringkat dalam menyokong proses pembangunan negara.

"Ini secara tidak langsung dapat membabitkan wanita pada semua peringkat dalam proses membuat keputusan dalam masyarakat dan negara," katanya ketika mengulas penubuhan kementerian baru itu di sini, hari ini.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata demikian ketika ditemui di jamuan Hari Raya kementerianya dan majlis perpisahan Ketua Setiausaha MITI, Tan Sri Asmat Kamaludin yang akan bersara esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rombongan Kabinetnya hari ini mengumumkan penubuhan sebuah kementerian baru, Kementerian Hal Ehwal Wanita dan pelantikan dua menteri baru.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, akan mengetuai kementerian baru itu.

Rafidah berkata, banyak program pembangunan pada peringkat daerah dan tempatan akan menjadi lebih berkesan jika turut memmabitkan sama golongan wanita.

Beliau menegaskan, kementerian baru itu juga akan menjadi saluran bagi menyelesaikan pelbagai isu yang selama ini diperjuangkan wanita.

"Selama ini wanita memperjuangkan pelbagai isu yang masih banyak belum dapat diselesaikan dan dengan adanya kementerian ini, perkara itu dapat diberi perhatian dan diselesaikan," katanya.

Beliau berkata, penubuhan kementerian itu juga membuktikan kejayaan perjuangan Pergerakan Wanita Umno untuk mendapatkan sebuah kementerian bagi memberi tumpuan khas kepada Hal Ehwal Wanita.

Mengenai pelantikan Shahrizat sebagai menteri penuh bagi menerajui kementerian itu, Rafidah berkata: "Sebagai Naib Ketua Wanita, saya memang berharap beliau akan mendapat tempat dalam Kabinet.

"Pergerakan Wanita Umno berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana mengiktiraf peranan (Pergerakan) Wanita dengan menambah wakilnya dalam Kabinet kepada tiga orang. Ini kembali semula kepada asal kerana sebelum ini memang ada tiga wakil Pergerakan Wanita Umno dalam Kabinet," katanya.

Rafidah berkata, beliau yakin dengan kemampuan Shahrizat untuk mengetuai kementerian baru itu.

"Dengan pengalaman yang beliau timba setakat ini dalam berinteraksi dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam perkara berkaitan wanita, beliau akan dapat menerajui kementerian itu dengan jayanya," katanya.

Rafidah juga berharap wanita akan menggunakan kementerian baru itu bagi meningkatkan kemajuan wanita.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peguam Wanita, Rasamani Kandiah berkata, penubuhan kementerian baru itu menjadi titik tolak kepada golongan wanita memperjuangkan hak mereka di peringkat Kabinet.

"Selama ini tiada pemimpin wanita yang secara langsung diberi kuasa untuk menyelesaikan pelbagai isu berkenaan wanita, tetapi diharap penubuhan kementerian itu akan dapat menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan pada peringkat yang lebih tinggi," katanya.

(END)

